



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
إِنْ يَشَاءِ اللَّهُ يُخْرِجِنَا وَمُنَافِقِينَ

Firman Allah dalam Surah Al-Nahl (12) :

“Dan Dia memudahkan bagi kamu malam dan siang dan matahari serta bulan dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya”

Hadis Abu Musa r.a:

Diriwayatkan daripada Nabi s.a.w, baginda bersabda: Perumpamaan Allah Azza Wa Jalla mengutusku menyampaikan petunjuk dan ilmu adalah seperti titisan hujan yang telah membasahi bumi. Manakala bumi tersebut sebahagian tanahnya ada yang subur sehingga dapat menyerap air serta menumbuhkan rumput dan sebahagian lagi berupa tanah-tanah keras yang dapat menahan air, lalu Allah memberi manfaat kepada manusia sehingga mereka dapat meneguk air, memberi minum dan menggembala ternaknya di tempat itu. Ada juga titisan air hujan tersebut jatuh di tanah yang lain, iaitu tanah gersang yang sama sekali tidak dapat menahan air dan tidak dapat menumbuhkan rumput rampai. Manakala itu semua adalah perumpamaan orang yang bijak pandai tentang agama Allah dan memanfaatkannya setelah aku diutus oleh Allah. Maka baginda tahu dan mahu mengajar apa yang diketahuinya dan juga perumpamaan orang yang keras kepala yang tidak mahu menerima petunjuk Allah yang kerana-Nya aku diutuskan (Sahih Muslim)

Masalah yang biasa dihadapi oleh Sistem Mikrokomputer

1. Kerosakan ke atas pemacu cakera liut (Floppy disk drive)
2. Tetikus tidak berfungsi (Mouse)
3. CD-ROM tidak berfungsi
4. Kerosakan Power Supply
5. Komputer kekurangan memori
6. Serangan Virus Komputer
7. Perisian /Software gagal berfungsi
8. Komputer hang(terhenti tiba-tiba)
9. Hard Disk Failure

1. Kerosakan Ke atas Pemacu Cakera Liut

- Pemacu cakera liut (floppy disk drive) boleh dibersihkan dengan menggunakan penyedut hampagas kecil yang boleh digunakan untuk membersihkan semua bahagian pemacu cakera liut termasuk kawasan yang berhampiran dengan kepala (Read/write head). Tetapi JANGAN SEKALI-KALI menyentuh kepala baca tulis melainkan dengan bahan lembut seperti kapas.
- Jika menggunakan pembersih jenis cakera (head cleaning diskette) maka tidak perlu lagi anda menggunakan kapas yang dibasahkan dengan alcohol isopropyl untuk membersihkan kepala (head) pemacu cakera. Selain daripada itu anda juga boleh membersihkan kepala pemacu cakera ini dengan menggunakan pembersih kepala pemacu cakera jenis penyembur.
- Mengeluarkan pemacu cakera liut (floppy disk drive). Untuk membersihkan pemacu cakera liut yang dipasangkan bertindih di antara satu dengan lain maka terpaksa dikeluarkan pemacu cakera daripada komputer.

Untuk mengeluarkan pemacu cakera liut, ikutilah langkah-langkah berikut:

- a. pisahkan kabel jenis ribon (kabel isyarat) daripada pemacu cakera, dengan memerhatikan kedudukan jalur merah yang menandakan Pin 1 pada kabel berkenaan.

- b. Pisahkan plug (unplug) penyambung kuasa 4-pin (power connector) daripada soketnya. Oleh kerana penyambung kuasa 4-pin ini boleh disambungkan dengan satu cara sahaja maka anda tidak perlu mengambil ingatan tentang kedudukannya.
 - c. Keluarkan skru yang digunakan untuk memasang pemacu cakera pada komputer, dan pastikan supaya pemacu cakera tidak terjatuh selepas anda mengeluarkan skru yang terakhir.
 - d. Longgarkan kedudukan pemacu cakera pada kedudukannya dan perlahan-lahan tarik keluar pemacu cakera daripada komputer.
 - e. Semasa mengeluarkannya pastikan anda tidak mengganggu suis-suis atau wayar-wayar yang terdapat pada pemacu cakera berkenaan.
- 2. Tetikus Tidak berfungsi**
Ganti dengan tetikus /mouse yang lain.
- 3. Kerosakan CD-ROM**
1. Periksa kabel sambungan pastikan ,sambungan dilakukan mengikut susunan pin yang betul.Pastikan pin berwarna merah berada pada pin no.1.Kemudian setkan jumper. Jika mengguna kabel yang sama dengan hard disk ,setkan jumper CD-ROM menjadi Slave dan jika menggunakan kabel berasingan setkan jumper menjadi master.Awas... Set off the power.
 2. Hidupkan komputer dan biarkan sistem mensetup plug and play semua device yang baru dipasang. Jika masih gagal install driver yang bersesuaian dengan jenama CD-ROM.
 3. Jika masih gagal juga , ini bermakna CD-ROM itu telah rosak dan perlu diganti dengan yang lain. Untuk memastikan CD-ROM itu betul-betul telah rosak cuba ganti dengan CD-ROM yang lain.Jika ia berfungsi ini bermakna CD-ROM itu sah telah rosak.
- 4. Kerosakan Power Supply**
- Kebanyakan mikrokomputer akan mengalami kerosakan bekalan kuasa setelah setahun lebih digunakan.

- Langkah penyelesaian – Ganti dengan bekalan kuasa yang baru. Terdapat 2 jenis bekalan kuasa iaitu jenis AT dan ATX. Jenis ATX dikawal secara automatik oleh system pengoperasian sama ada Win95/98/2000Me.

5. Komputer Kekurangan Memori

Windows 95 memerlukan sekurang-kurangnya 4MB RAM untuk memulakan sistem operasi. Walau bagaimana pun kebanyakan perisian di pasaran sekarang memerlukan memori atau ingatan paling minimum 8 MB. Jadi untuk tujuan itu komputer perlu di upgradekan memori nya.

Langkah memasang memori

- ❖ Gunakan memori dari jenama yang sama.
- ❖ Mulakan memasang SIMMs dari bank 1 kemudian bank 2 dan seterusnya.
- ❖ Sentiasa menanggalkan SIMMs dari bank 3 kemudian bank 2 dan seterusnya.
- ❖ Slip a SIMMs 45 darjah into a socket with component side facing down.
- ❖ Tolak SIMM sehingga berbunyi ‘klik’
- ❖ Selalu install memory berpasangan. Contohnya, jumlah memory 8 Mb, pasang dua pasang 4Mb SIMMs pada soket 1 dan 2 bank 3 atau soket 5 dan 6 bank 1. Jangan sekali-kali gunakan 8 Mb alone untuk 8 Mb memory.
- ❖ Selepas itu reboot the system

6. Virus Komputer

Gunakan rescue disk untuk mengalihkan virus.
Boleh gunakan Norton Antivirus Rescue Disk.

7. Kerosakan Cakera Keras

- Masalah – kadang-kadang paparan di Monitor tercatat “HDD Controler Failure” atau “Data error reading drive C – Abort, Retry, Ignore, Fail?”
- Penyelesaian – Mesej ralat yang pertama biasanya merujuk kepada kegagalan komputer mengesan atau berkomunikasi dengan cakera keras anda menerusi peranti input/output (I/O). Manakala mesej ralat yang kedua pula merujuk kepada kegagalan komputer untuk membaca atau mendapatkan data daripada cakera keras anda.
- Jika kedua-dua mesej ralat ini sering dipaparkan pada komputer anda, ia menandakan cakera keras anda berkemungkinan telah banyak mengalami kerosakan, samada dalam bentuk fizikal ataupun ‘bad sector’.

8. Menambah atau Memasang Cakera Keras Tambahan

- Jawapan – Setiap slot IDE yang terdapat pada papan induk komputer dapat menampung sehingga dua cakera keras, dan biasanya papan induk pada masa kini mempunyai dua slot tersebut membolehkan empat cakera keras di pasang sekaligus pada satu-satu masa.
- Slot pertama (IDE 0) dinamakan Primary dan slot kedua (IDE 1) dinamakan Secondary. Setiap slot ini boleh menampung dua peranti IDE (cakera keras) dengan salah satu peranti dijadikan ‘master’ dan yang satu lagi sebagai ‘slave’.
- Untuk mengistiharkan sesuatu cakera keras itu sebagai ‘master’ atau ‘slave’, anda perlu mengubah ‘jumper’ tertentu yang terdapat pada cakera berkenaan. Kombinasi ‘jumper’ yang diperlukan untuk menjadikannya ‘master’ atau ‘slave’ adalah berbeza di antara satu cakera dengan yang lain dan bergantung kepada syarikat pengeluarannya.
- Bagaimanapun konfigurasi ini biasanya ada ditulis pada setiap cakera ataupun bersama buku manual yang disertakan semasa membelinya.
- Selain cakera keras, CD-ROM juga merupakan peranti IDE dan boleh digabungkan dalam kombinasi ‘master’ dan ‘slave’. Jika anda ingin memasang dua cakera keras dan tidak mahu atau tidak tahu mengubah ‘jumper’ supaya salah satu menjadi ‘slave’ maka pasanglah kedua-duanya sebagai ‘master’, iaitu satu sebagai ‘primary master’ dan yang satu lagi sebagai ‘secondary master’ – menerusi slot IDE yang berasingan.

- Penggunaan perisian bantuan (utility software) FastLink (FX) untuk memindahkan perisian dari sebuah mikrokomputer ke sebuah mikrokomputer yang lain yang tidak ada kad rangkaian (networking card).
- Untuk menggunakan fastlink (fx) ,pastikan kedua-dua komputer berada dalam keadaan bersedia dan mempunyai perisian fx (Sekurang-kurangnya fx.exe dan fx.cdm). FX harus dilarikan melalui dos.Suatu menu akan terpapar di screen, pilih menu, dan kedua-dua perisian yang terkandung dalam harddisk kedua-dua komputer akan dipaparkan.
- Sekarang kedua-dua komputer bersedia untuk menyalin fail. Salah satu dari dua komputer itu boleh bertindak sebagai pengawal. Satu komputer bertindak sebagai penerima (Receiving) dan yang satu lagi sebagai penghantar (Sending). Sebelum memulakan penyalinan fail pastikan semua fail atau directory pada komputer yang bertindak sebagai penghantar telah ditandakan (Remark) atau tekan F5 dan komputer penerima berada pada "root directory" kemudian tekan F3 untuk memulakan menyalin fail (copy).
- Screen akan memaparkan semua directory atau fail berserta dengan status proses penyalinan fail. Apabila semua proses penyalinan telah selesai screen akan memaparkan mesej ...Untuk menyalin directory atau fail yang lain lakukan langkah-langkah yang sama seperti di atas. Untuk keluar tekan esc .

Nota : Adalah dinasihatkan untuk memeriksa terlebih dahulu Virus dalam Cakera Keras sebelum set Window 95.Jika anda mempunyai MS-Dos6.x, anda mesti runkan MSAV dahulu sebelum run setup.

Anda mesti juga padamkan screen saver yang sedang aktif dan juga disable anti-virus yang sedang aktif sebelum anda mulakan.

Nota Am Setup

- Buat Disk SetUp Baru! sebab pertukaran dalam real-mod dan protect-mode kernels untuk menanggung FAT32,Disks startup windows 95 build 950 tak serasi dgn disks startup windows95 versi 4.00.950 B dan sebaliknya. Oleh itu bila setting windows 95 version 4.00.950B untuk pertama kali, pastikan untuk membuat disk startup yang baru. BUATKAN INI WALAUPUN ANDA TIDAK BERCADANG HENDAK GUNAKAN FAT32.

- Jika anda mempunyai Diamond Video “In Control” utility di dalam StartUp group, anda akan menerima mesej berikut:
 “ Setting sebahagian dari Control Panel atau Device lain telah bertukar sejak kali anda masuk windows.
 Tutup semua program, restart windows dan jalankan Setup kembali”. Utilities ini ada di install oleh Diamond Stealth display adapter driver. Keluarkannya dari group StartUp sebelum jalankan Setup.
- Jika anda mempunyai Imagine 128 Display Adapter number 9, anda berkemungkinan samaada set up dari MS-DOS atau memukarkan display driver ke VGA untuk mengelakkan dari hanging. Ada driver baru 1128 dalam windows 4.00.950 B. Anda mestilah menggunakan driver tersebut sahaja pada windows 95 versi 4.00.950 B .
- Jika anda mempunyai Compaq LTE 5xxx portable, Setup atau installing Hardware baru boleh tergantung(hang) semasa pengesanan Hardware .Jika ini berlaku ,restart balik komputer anda dan biarkan Safe Recovery berjalan.Ia akan mengelakkan code pengesan yang hang dan menyiapkan Setup secara normal.Inilah cara BIOS berkerja dengan komputer anda.

9. Mencari dan Membaiki Masalah Hard-Disk Semasa Setup.

Windows 95 Setup menjalankan ScanDisk secara automatik untuk memeriksa sebarang masalah yang terdapat di dalam Hard Disk. Jika terdapat masalah, Setup tidak dapat meneruskannya sehingga masalah tersebut itu di betulkan.

Nota : Versi ScanDisk MS-DOS-based yang menjalankan Setup boleh mengenalpasti error pada nama fail tetapi tidak dapat membetulkannya. Error ini tidak menghalang Setup untuk meneruskan setup tetapi setelah habis ia laksanakan ,anda mestilah menjalankan ScanDisk versi Windows baru anda dari dalam Windows 95 untuk membetulkan sebarang error .

Membaiki Masalah Hard-Disk

Jika anda terlihat mesej semasa Setup yang menyuruh anda membaiki masalah di dalam hard disk, ikutlah langkah-langkah ini untuk membetulkan masalah itu.

Jika anda buat setting up Windows 95 melalui MS-DOS atau versi Windows sebelumnya, contoh. Windows 3.1 :

1. Quit Windows.

2. Jika anda buat setting up dari floppy disks, masukkan Setup Disk 1 kedalam drive dan kemudiannya taip arahan berikut pada command prompt :
a:scandisk.exe /all
dimana “a” ialah drive yang mengandungi disk Windows tersebut.
3. Jika anda buat setting up dari CD-ROM , masukkan CD-ROM dan kemudiannya taip arah berikut :
f:\win95\scandisk.exe /all
dimana “f” ialah drive yang mengandungi CD-ROM.
4. Ikut arahan pada skrin anda dan betulkan sebarang masalah yang telah dicari oleh ScanDisk.
5. Start Windows dan jalankan Setup semula.

Jika anda buat setting up Windows 95 dari versi windows 95 yang sebelumnya :

1. Quit Setup.
2. Pada Start menu - masuk Program - masuk Accessories - masuk System Tools - kemudian klik ScanDisk.
3. Periksa Hard-disk anda dan host drive lain yang anda ada serta mempunyai masalah dan kemudian perbaiki masalah yang telah dikesan.

Nota : Jika anda menjanakan Setup dari MS-DOS, ScanDisk akan jana dan anda boleh membetulkan kebanyakan masalah dari dalam Setup tersebut.

- Ditugaskan untuk membaik pulih komputer yang mengalami masalah hard disk (berdasarkan aduan yang ditulis)
- Proses pertama yang perlu dilakukan ialah membersihkan komputer dari habuk dan benda-benda asing seperti skru.
- Periksa sambungan kabel (IDE) dari hard disk ke motherboard. Selalunya sambungan dibuat tidak tepat.
- Setelah memastikan bahawa sambungan berada dalam keadaan baik. Komputer itu mesti diformat, proses-proses membuat partition mesti dibuat.
- Didapati semasa menjalankan proses membuat partition, perjalanan proses ini tidak dapat dijalankan dengan lancar. Ia memerlukan masa yang agak lama jika dibandingkan dengan hard disk yang berkeadaan baik.

- Setelah selesai proses membuat partition maka proses formatting dilakukan. Keadaan yang sama telah berlaku, dimana ia memerlukan masa yang lama untuk format.
- Selesai format, proses scandisk (scan surface) dilakukan, semasa menjalankan proses ini didapati terdapat banyak kawasan BAD BLOCK pada hard disk.
- Untuk menghilangkan kawasan Bad Block ini, scan disk yang hendak dilakukan mestilah disetkan pada LOW LEVEL.
- Diakhir scan surface, didapati banyak kawasan bad block pada hard disk ini. Maka hard disk ini perlu ditukar kerana dikhuatiri sekiranya pengguna masih menggunakannya kemungkinan hard disk hendak rosak kembali agak tinggi.

Masalah Compact Disc-Read Only Memory (CD-ROM)

- Langkah pertama yang hendak dilakukan ialah membersihkan kawasan motherboard dari habuk dan benda asing (skru). Ini juga boleh menyebabkan CD-Rom itu rosak jika habuk tidak dibersihkan.
- Setelah itu periksa sambungan kabel IDE. Pastikan ia disambungkan dengan betul. Jika betul ikut arahan yang seterusnya.
- Periksa 'jumper' pada CD-ROM telah disetkan pada tempat yang betul. Kebanyakan jumper telah disetkan kepada 'default' atau tetap pada sesebuah motherboard.
- Sekiranya ia masih belum dapat menentukan CD-ROM tersebut maka tukar CD-ROM dengan CD-ROM yang lain.
- Tetapi sekiranya masih belum lagi dapat dikesan CD-ROM maka komputer ini mesti di format. Dan pastikan fail MSCDEX.EXE yang disalin kedalam Hard Disk adalah betul.
- Jika CD-ROM yang rosak maka untuk membaikinya maka kerja-kerja untuk membuka dan mengenalpasti masalah pada CD-ROM dibuat.

Membaiki komputer yang mengalami masalah virus.

- Langkah pertama ialah pastikan antivirus yang digunakan oleh komputer tersebut dapat berfungsi dengan baik.
- Setelah itu, proses update antivirus dilakukan, ini penting untuk mengesan virus-virus yang terbaru.

- Run scanvirus, lihat keputusannya, dan seandainya tiada virus maka komputer itu berada dalam keadaan baik.
- Tetapi seandainya terdapat virus maka ia perlu dihapuskan.
- Sekiranya virus itu tidak boleh dibuang maka disyorkan pergi ke fixtools (www.symantec.com) untuk remove virus tanpa merosakan fail tersebut.

Komputer yang masalah hard disk.

- Melalui masalah ini pula didapati bahawa system komputer tidak dapat mengenal hard disk.
- Langkah awal yang diambil ialah memeriksa kabel IDE1 untuk hard disk.
- Setelah memeriksa kabel itu, maka lakukan proses formatting, semasa melakukan proses, ia berjalan agak perlahan ini kerana ada sector-sektor yang sudah rosak.
- Didapati bahawa terdapat kawasan bad block, semasa keputusan akhir scan surface.
- Oleh disebabkan terdapat terlalu banyak kawasan bad block maka hard disk ini tidak sesuai

Komputer yang menghadapi masalah kawasan bad block.

- Seperti proses yang sama dilakukan sebelum ini, dengan menggunakan scandisk LOW level didapati kawasan bad block dapat diperbaiki.

- Setelah itu penginstallan aplikasi windows dilakukan dimana Microsoft office (word, excel dll), NORTON antivirus, Winzip dan lain-lain telah diinstall bersama.
- Manakala komputer kedua pula komputer ini juga mengalami masalah hard disk.
- Tetapi kali ini, hard disknya langsung tidak boleh diakses oleh komputer. Tanda-tanda seperti bunyi yang keluar dari hard disk menunjukkan memang betul hard disk mengalami kerosakan.
- Penggantian hard disk baru akan dilakukan selepas memastikan bahawa hard disk ini betul-betul rosak.

Firman Allah :

“Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya) dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya dia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah) dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan. “ (Al-Baqarah – 96)